Garis Panduan Laporan Contoh dan Penyata Kewangan bagi Bank Islam Berlesen (GP8-i)

Garis Panduan Laporan Contoh dan Penyata Kewangan bagi Bank Islam Berlesen atau GP8-i dikeluarkan kepada bank Islam pada bulan Ogos 2003. Ia menggariskan keperluan minimum pembentangan dan penzahiran laporan dan penyata kewangan bank Islam. GP8-i mula diguna pakai oleh bank Islam bagi tahun kewangan 2004.

GP8-i dikeluarkan bagi menyediakan asas pembentangan dan penzahiran laporan dan penyata kewangan bank Islam. Ia juga bertujuan memastikan ketekalan dan kebolehbandingan laporan dan penyata kewangan di kalangan bank Islam dalam mematuhi peruntukan Akta Bank Islam 1983, Akta Syarikat 1965, kehendak Syariah serta garis panduan Bank Negara Malaysia yang lain. Memandangkan GP8-i ialah garis panduan yang komprehensif, ia turut mengambil kira keperluan piawaian MASB yang baru, khususnya MASB *i*-1: Pembentangan Penyata Kewangan bagi Institusi Kewangan Islam. Piawaian ini berkuat kuasa pada tahun 2003 bertujuan menyeragamkan pembentangan dan penzahiran penyata kewangan bank Islam dan bank konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (bank SPI).

Sebelum GP8-i dikeluarkan, bank Islam telah mematuhi pelbagai peruntukan dalam Akta Syarikat 1965, piawaian perakaunan yang boleh diguna pakai dan Garis Panduan Contoh Penyata Kewangan bagi Industri Perbankan (GP8) yang dirangka bagi operasi perbankan konvensional. Beberapa pengubahsuaian telah dibuat bagi bank Islam berhubung peruntukan tertentu, di bawah GP8 supaya bersesuaian dengan operasi perbankan Islam seperti penzahiran konsep Syariah yang diguna dalam pembiayaan.

Ciri-ciri Utama GP8-i
Antara ciri utama GP8-i adalah seperti berikut:

a) Prestasi Keseluruhan dan Penyata Urus Tadbir Korporat
Bagi menggalakkan amalan urus tadbir korporat yang berkesan, bank Islam perlu melapor prestasi keseluruhan dan amalan urus tadbir korporat mereka. Bagi prestasi keseluruhan, bank Islam dikehendaki memberi ulasan mengenai prestasi, langkah-langkah, pelan dan strategi perniagaan, manakala dalam penyata urus tadbir korporat pula, bank Islam perlu mendedahkan komposisi dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah, aktiviti audit dalaman dan kawalan serta strategi dan dasar pengurusan risiko. Keperluan pelaporan ini penting bagi memberi maklumat tambahan kepada pengguna penyata kewangan bagi menilai pencapaian dan aktiviti perbankan sesebuah bank Islam.

b) Penzahiran Lembaga/ Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Kewajipan Zakat
Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat Syariah memainkan peranan penting memantau kepatuhan aktiviti perbankan Islam kepada kehendak Syariah. Berasaskan kepentingan ini, bank Islam dikehendaki menzahirkan peranan dan tugas Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat Syariah mereka bagi memantau aktiviti yang melibatkan hal-ehwal Syariah dalam Laporan Pengarah. Bagi kewajipan zakat, bank Islam dikehendaki menzahirkan tanggungjawab membayar zakat sama ada bagi perniagaan atau pemegang saham atau bagi pihak pendeposit.

c) Laporan Lembaga/ Jawatankuasa Penasihat Syariah
Bank Islam perlu melapor kepatuhan operasi perbankan Islam kepada prinsip Syariah dalam Laporan Lembaga/ Jawatankuasa Penasihat Syariah. Laporan yang mirip kepada Laporan Juruaudit ini bertujuan meningkatkan kewibawaan operasi bank Islam dalam mematuhi prinsip Syariah.

d) Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK)
RPK adalah mekanisme yang diperkenalkan dalam Rangka Kerja Kadar Pulangan bagi menstabilkan kadar pulangan kepada pendeposit. Penzahiran RPK dapat menunjukkan keupayaan bank Islam dalam mengurus tahap pengagihan keuntungan kepada pendeposit *mudharabah*. Bank Islam perlu menzahirkan dasar RPK dan pergerakannya (peruntukan dan kemasukan semula RPK) sepanjang tahun kewangan.

e) Klasifikasi Deposit Pelanggan dan Peletakan Deposit Bank dan Institusi Kewangan Lain

Bank Islam dikehendaki melaporkan deposit yang diterima kepada dua kategori iaitu deposit *mudharabah* dan bukan *mudharabah*. Sebagai pengurus dana awam, penzahiran sebegini akan memberi maklumat tambahan mengenai profil risiko portfolio deposit bank Islam kepada orang awam.

f) Pembentangan Penyata Kewangan

Pembentangan Penyata Kewangan bank Islam menggambarkan amalan operasi perbankan Islam, khususnya aplikasi konsep *mudharabah* dalam aktiviti pengambilan deposit. Penyata ini menzahirkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dikongsi oleh bank dan pendeposit serta yang menjadi hak mutlak bank.

Kelulusan Produk

- Selaras dengan usaha mewujudkan persekitaran pengawalseliaan yang didorong pasaran, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Keperluan Kelulusan Produk Baru bagi Institusi Perbankan Islam (Garis Panduan) bagi menggantikan peraturan sedia ada. Garis Panduan yang berkuat kuasa pada 2 Januari 2004 ini menggariskan proses pemberitahuan dan kelulusan spesifik bagi produk baru yang dikemukakan oleh institusi perbankan Islam.

  Dalam merangka Garis Panduan ini, Bank Negara Malaysia mengguna pakai pendekatan "apa yang tidak dilarang adalah dibenarkan" ke atas produk perbankan Islam baru. Ia bertujuan meningkatkan darjah kejelasan, ketelusan dan kepantasan dalam kelulusan produk. Bagi produk baru yang layak mendapat kelulusan automatik (menerusi proses pemberitahuan), ia perlu dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia sekurang-kurangnya 21 hari sebelum produk baru itu dilancarkan. Definisi produk baru juga diperluaskan merangkumi produk atau perkhidmatan sedia ada yang menggunakan konsep Syariah yang lain atau melibatkan gabungan konsep Syariah yang baru. Institusi perbankan Islam juga perlu mengemukakan keterangan terperinci konsep Syariah yang digunakan dan telah disahkan oleh jawatankuasa Syariah mereka. Langkah ini bagi memastikan kajian terperinci ke atas produk berkenaan dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam tersebut dan tidak akan melahirkan kesan negatif kepada pelanggan dan kestabilan sistem kewangan. Produk baru yang tidak layak diberikan kelulusan automatik perlu mendapat kelulusan khusus daripada Bank Negara Malaysia dan sekiranya perlu, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia akan turut dirujuk. Garis Panduan ini memberi penekanan kepada pengawalan sendiri oleh institusi perbankan Islam. Sehubungan ini, institusi perbankan Islam perlu memastikan produk yang diperkenalkan mematuhi Garis Panduan ini.

- Sejajar dengan usaha menyelaraskan rangka kerja pengawalseliaan industri kad kredit, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Kad Kredit-i (Garis Panduan) pada bulan Januari 2004, sebagai lanjutan kepada Garis Panduan Kad Kredit yang dikeluarkan kepada bank konvensional pada bulan Mac 2003. Menurut Garis Panduan tersebut, pihak bank boleh menggunakan sama ada konsep Syariah berlandaskan *bai' inah* (perjanjian jual dan beli balik) atau BBA (jualan dengan bayaran tertangguh) bagi kad kredit-i. Dalam konsep *bai' inah*, dana bagi had perbelanjaan pemegang kad terhasil apabila bank membeli balik aset daripada pemegang kad secara tunai selepas ia dijual kepada pemegang kad berdasarkan terma tertangguh. Dalam konsep BBA, dana terhasil apabila bank membeli aset daripada pemegang kad secara tunai dan aset tersebut seterusnya dijual balik kepada pemegang kad secara bayaran tertangguh.

  Garis Panduan ini juga menetapkan tatacara pengenaan penalti dan struktur fi berdasarkan prinsip Syariah. Berhubung caj bayaran lewat, pengeluar kad kredit-i boleh mengenakan fi pampasan ke atas pemungkir, tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, antaranya institusi perbankan Islam dilarang mengkompaunkan fi pampasan bagi bayaran lewat dan caj bulanan. Peruntukan ini bertujuan melindungi para pelanggan dan bagi menyelaraskan struktur penalti kad kredit-i.